

Sulap Rezeki inisiatif FPSK santuni pelajar hadapi pandemik

UB 03.08.2021 P. 02

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) memperkenalkan Sulap Rezeki sebagai satu inisiatif membantu pelajar berkeperluan di dalam kampus untuk mendapatkan sumber makanan sepanjang tempoh pandemik ini.

Kemudahan tersebut merupakan usaha bersama UMS yang sentiasa menitikberatkan aspek pembangunan dan kebijakan pelajarnya sepanjang mereka berada di dalam kampus sejauh dengan misi universiti untuk melahirkan graduan yang seimbang dan berketerampilan.

Sulap Rezeki dirasmikan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, yang turut merasmikan Bilik Gerakan Pelajar FPSK bersempena dengan satu majlis Perjumpaan Khas Naib Canselor UMS bersama pengurusan FPSK di bangunan FPSK semalam.

Sulap Rezeki itu berfungsi sebagai pusat kepada pelajar berkeperluan mendapat



PELANTIKAN: Taufiq menyerahkan surat pelanjutan lantikan sebagai dekan kepada Mohammad Saffree.

rezeki makanan secara percuma, di samping memberi peluang kepada kakitangan FPSK memberi sumbangan mengikut kemampuan dan keikhlasan masing-masing sesuai dengan slogan ‘Ambil Jika Perlu, Kongsi Jika Mampu’.

Manakala pengwujudan kemudahan Bilik Gerakan Pelajar FPSK membolehkan pelbagai aktiviti dapat dijalankan pelajar FPSK

yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) FPSK dan persatuan serta kelab pelajar FPSK antaranya Medical Students Association (MEDSTAS), Asian Medical Students Association (AMSA), Nursing Students Association (NUSA) dan Da' Vinci Club.

Terdahulu, Taufiq ketika mengadakan perjumpaan khas bersama pengurusan



KEMUDAHAN: Taufiq melawat Sulap Rezeki FPSK, satu Bank Makanan khusus untuk pelajar yang berkeperluan.

utama FPSK menyampaikan ucapan tahniah kepada Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffrey atas pelanjutan tempoh pelantikan sebagai dekan.

Taufiq turut menyampaikan surat pelantikan jawatan kepada Mohammad Saffree dan ketua-ketua jabatan fakulti yang baharu dilantik berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2021.

Dalam pada itu, Moham-

mad Saffree menjelaskan FPSK pada ketika ini mempunyai lebih 700 pelajar termasuk pelajar pasca-siswazah yang telah bersedia untuk memberi sumbangan kepada masyarakat dalam bidang perubatan.

“FPSK juga tidak hanya melahirkan doktor perubatan dan jururawat terlatih, malah turut berperanan dalam membangunkan sahsiah pelajar agar akhirnya

mereka mampu menjadi modal insan dan barisan hadapan,” katanya.

Turut diladakan pada majlis tersebut pelancaran Head of Department (HOD) Management Kit, iaitu e-book kompilasi undang-undang, peraturan dan punca kuasa bagi membantu ketua jabatan membuat rujukan dan panduan dalam menjalankan tadbir urus di jabatan masing-masing.